

31 MAR 1999

Mahkamah-Anwar (gulung)

KES BERBAU POLITIK, KATA PEMBELA

KUALA LUMPUR, March 31 (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini diberitahu hari ini bahawa kes Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai unsur politik.

"Sama ada kita suka atau tidak, kes ini berbau politik," kata peguam bela Gurbachan Singh yang menyambung penggulungan hujahnya hari ini.

Katanya, Anwar dalam keterangannya berkata bahawa beliau diberi kata dua oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sama ada meletakkan jawatannya atau dihadapkan ke mahkamah pada 2 Sept, tarikh beliau dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

"Adalah pelik bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberikan kata dua sedemikian pada 2 Sept 1998 apabila kenyataan Seksyen 112 polis dari (bekas pengarah Cawangan Khas) Datuk Mohamad Said Awang dan (timbalannya ketika itu) Datuk Amir Junus diambil pada September/ Oktober 1998.

"Tambahan pula, bagaimana (Menteri Kewangan Pertama) Tun Daim (Zainuddin) pada 12 Ogos 1998, boleh memberitahu Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa beliau akan dihadapkan ke mahkamah," katanya.

Beliau berkata bahawa beberapa dokumen hampir menunjukkan politik terlibat dalam kes itu.

Katanya tidak syak lagi bahawa Anwar adalah mangsa konspirasi politik berasaskan kepada surat layang yang dikatakan ditulis oleh pertubuhan-pertubuhan Islam termasuk Abim yang dinafikan dengan keras oleh pemimpinnya (ABIM) yang berkata bahawa mereka tidak terlibat dengan penulisan surat itu.

Gurbachan berkata terdapat juga bukti-bukti yang cukup mengenai konspirasi polis terhadap Anwar.

Katanya, ini dapat dilihat dari sikap keseluruhan pasukan polis yang menyebelahi Anwar pada tahun 1997.

Malahan, katanya, waktu itu polis juga bercadang untuk mendakwa Ummi Hafilda Ali penulis surat "Perihal Salah laku Timbalan Perdana Menteri) dan Azizan Abu Bakar, bekas pemanduk isteri Anwar, Datin Seri Wan Azizah Ismail, yang membuat pengakuan bersumpah bahawa dirinya diliwat oleh Anwar, dan dihantar kepada Perdana Menteri.

Katanya perubahan sikap polis terhadap Anwar boleh dilihat apabila mereka sedang menyiasat aduannya mengenai buku "50 Dalil Mengapa Anwar Ibrahim Tidak Boleh Jadi PM" yang mana Anwar sebagai pengadu sebaliknya menjadi tertuduh.

Gurbachan berkata polis juga menjalankan siasatan mengikut Ordinan Darurat mengenai rasuah walaupun tidak ada aduan mengenai salahguna kuasa oleh Anwar.

Katanya polis menjalankan siasatan sebenar mengenai tuduhan-tuduhan yang beliau hadapi sekarang hanya selepas beliau dipecat sebagaimana yang difahamkan daripada kenyataan-kenyataan dua saksi utama pendakwa, Mohd Said Awang dan Amir Junus.

Gurbachan berkata Anwar juga mempunyai perbalahan dengan Perdana Menteri, yang juga Menteri Dalam Negeri yang mempunyai kuasa terhadap jabatan polis.

Katanya kecederaan Anwar akibat dipukul pada hari pertama beliau ditahan pada 20 Sept 1998 dengan jelas menunjukkan sikap, kebencian dan niat jahat polis terhadapnya.

Gurbachan juga berkata bahawa laporan yang tidak ditandatangani yang ditanda sebagai D123 oleh mahkamah, sebenarnya ialah laporan kedua kepada

Perdana Menteri mengenai dakwaan salah laku seks, yang didakwa oleh pihak pembela pada awal peringkat pendakwaan mengandungi nama-nama personaliti yang mahu menjatuhkan Anwar.

Pada peringkat ini, Hakim Mahkamah Tinggi Augustine Paul memerintahkan pembela dan pendakwa menghujahkan sama ada dokumen itu dianggap sebagai dokumen bukti atau hanya untuk menunjukkan bahawa ia diterima oleh Anwar.

Gurbachan berkata mahkamah seharusnya mempertimbangkan persamaan kandungan dokumen itu dengan laporan pertama yang dihantar kepada Perdana Menteri oleh Cawangan Khas.

Katanya, malahan Mohd Said yang memberi keterangan mengenai perkara itu, tidak dapat menafikan bahawa dokumen itu adalah laporan yang dibuat oleh Cawangan Khas.

Sementara itu, Timbalan Kanan Pendakwaraya Datuk Abdul Ghani Patail memberitahu mahkamah bahawa Mohd Said dalam keterangannya telah menafikan sepenuhnya bahawa tidak terdapat laporan kedua, sama ada ditandatangani ataupun tidak, oleh Cawangan Khas kepada Perdana Menteri.

Paul kemudiannya memutuskan bahawa dokumen itu tidak boleh dianggap sebagai dokumen untuk mencari kebenaran.

Dalam mengakhiri penghujahannya, Gurbachan berkata bahawa pendakwa telah gagal menunjukkan bukti-bukti mereka dan bahawa pihak pembela telah mengutarakan lebih daripada keraguan munasabah.

Katanya: "Adalah penting untuk memperingati apa yang dikatakan oleh Sir Thomas Moore, bekas Lord Chancellor England pada akhir perbicaraan terhadapnya dalam kes yang sengaja diadakan, palsu dan direka-rekakan yang mana saksi-saksi pendakwa memberi keterangan bohong.

Berhubung dengan keterangan bohong yang diberikan terhadap beliau oleh Peguam Negara Wales waktu itu, Sir Thomas Moore berkata: "Seseorang itu boleh menjual maruahnyanya demi kepentingan seluruh dunia tetapi anda melakukannya untuk Wales."

Gurbachan berkata dalam kes itu semua mereka yang memberi keterangan bohong terhadap Sir Thomas Moore termasuk peguam negara itu dibicarakan kerana berbohong dalam mahkamah, dan didapati bersalah dan dihukum bunuh dalam masa lima tahun.

"Tetapi Sir Thomas Moore walaupun dihukum bunuh menjadi legenda dan terus diingati," katanya.

Sementara itu peguam Christopher Fernando yang akhir sekali berhujah untuk pasukan pembela, berkata satu-satu jenayah yang mungkin telah dilakukan oleh Anwar ialah "bersikap tabah, tidak mementingkan diri and berani menentang ahli-ahli politik yang berkuasa demi keadilan".

Beliau meneruskan hujahnya dengan berkata bahawa Anwar mahu menjadikan negara ini tempat yang lebih baik untuk kita hidup, tetapi Paul mengarahkannya supaya berhenti daripada membuat ucapan politik seperti itu.

Fernando kemudiannya berkata bahawa Anwar tidak mendapat apa-apa yang memihak kepadanya dengan mengarahkan dua pegawai polis, Mohd Said dan Amir, untuk mendapatkan surat penafian daripada Ummi dan Azizan.

Katanya: "Saya menghujahkan bahawa kecuali ataupun sehingga pendakwa membuktikan bahawa dakwaan yang terkandung dalam surat yang dikatakan ditulis oleh Ummi dan Azizan adalah benar, tuduhan-tuduhan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim mengikut Ordinan Darurat tidak boleh dikekalkan."

Katanya tidak ada apa-apa keperluanpun bagi Anwar mendapatkan surat-surat penafian untuk melindungi dirinya daripada tindakan jenayah kerana dalam kes ini beliau adalah mangsa dan bukannya pesalah.

Fernando berkata pindaan kepada tuduhan-tuduhan itu tidak logik dan menghairankan kerana ianya termasuk perkataan-perkataan "untuk menyelamatkan dirinya daripada keaiban".

Fernando berkata pada mulanya tidak ada prosiding jenayah yang dirancang oleh polis terhadap Anwar kerana mereka sedang menumpukan

siasatan terhadap Ummi dan Azizan.

"Oleh itu di mana perlunya beliau melindungi dirinya," katanya.

--BERNAMA

SBB WAT